

33 projek tebatan atasi krisis banjir

Shah Alam: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor sudah merancang 33 projek tebatan banjir yang dijangka dapat mengatasi masalah banjir di beberapa daerah di negeri ini dalam tempoh lima tahun.

Pengerusi Tetap Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Zaidy Abdul Talib berkata, projek berkenaan akan disyorkan kepada kerajaan negeri dan dijangka dapat mengatasi masalah banjir yang berlaku.

Katanya, projek berkenaan akan merangkumi kerja menaik taraf sungai, pam statik dan membina lebih banyak kolam takungan yang mampu menampung kapasiti air untuk jumlah yang besar.

"Kerajaan negeri mengambil langkah ini selepas berbincang dengan semua pihak lain seperti pihak berkuasa tempatan dan beberapa agensi lain yang terbabit dengan banjir supaya masalah ini boleh diatasi.

"Jawatankuasa khas banjir juga dibentuk untuk mencari

alternatif yang dapat mengatasi masalah banjir khususnya di kawasan Klang, Hulu Langat, Gombak dan Petaling," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat 'Task Force' Banjir, di sini, semalam.

Beliau juga menasihatkan orang ramai, khususnya yang menetap di kawasan rendah bersiap sedia memandangkan maklumat yang diperolehi menjangkakan hujan masih berbaki antara 500 hingga 800 milimeter akan diterima sehingga hujung Disember depan.

Menurut Zaidy, dalam masa sama, kerajaan negeri akan menjalankan pemantauan di kawasan pembinaan bagi memastikan pemaju mematuhi Kebenaran Merancang yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya tidak berlaku banjir kilat.

"Pembangunan adalah satu yang baik untuk rakyat tetapi kita tidak mahu pembinaan yang dibuat akan menyusahkan rakyat sehingga berlakunya banjir kilat," katanya ketika ditemui.



FAKTA
Projek
merangkumi kerja
menaik taraf
sungai